

03 OCT 1998

Umno-Wanita

WANITA PULAU PINANG MAHU UMNO DAN BN MENANG PILIHAN RAYA

PULAU PINANG, 3 Okt (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno Pulau Pinang hari ini berikrar untuk memastikan Umno dan Barisan Nasional (BN) menang dalam pilihan raya umum yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

Ketuanya, Hajah Sharifah Aminah Syed Mohamad hari ini berkata, tanggungjawab utama pergerakan itu buat masa ini ialah memastikan Umno dan BN kekal memenangi kerusi yang dipertandingkan dan seterusnya mengekalkan majoriti dua pertiga di Parlimen.

Bercakap pada sidang berita selepas mesyuarat pergerakan itu di sini, beliau berkata, pihaknya ingin memastikan kemenangan itu kerana masa hadapan orang-orang Melayu akan terjejas jika Umno lemah.

Mesyuarat itu dipengerusikan Timbalan Ketua Perhubungan Umno Pulau Pinang yang juga Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar. Yang turut hadir ialah Setiausaha Umno Pulau Pinang Encik Azhar Ibrahim.

Sambil berharap semua anggota dan bukan anggota pergerakan itu bersabar mengenai nasib yang menimpa bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berharap mereka tidak terikut-ikut dengan khabar angin tetapi membenarkan proses undang-undang dilaksanakan sebaik mungkin.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya akan menganjurkan satu majlis penerangan dan dialog antara semua anggota jawatankuasa bahagian pergerakan itu dengan anggota Majlis Tertinggi (MT), Puan Shahrizat Abdul Jalil di sini tidak lama lagi.

Mohd Shariff pula berkata, majlis-majlis penerangan perlu diadakan untuk memperkukuhkan parti pada tahap yang tinggi.

Setiausaha Pergerakan Wanita Umno Pulau Pinang yang juga Ketua Wanita Umno Bagan, Puan Jumabi Mohamad pula kesal dengan kenyataan pihak tertentu yang cuba mengeruhkan keadaan khususnya di bahagian itu.

Menurut beliau, pihaknya yang menyokong kepimpinan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kesal dengan kenyataan yang menuduh Ketua Umno Bahagian Datuk Abdul Latiff Mirasa dan beberapa orang pemimpin di bahagian itu terlibat dengan Gerakan Reformasi.

-- BERNAMA

AHM PR